



KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI 2024 (MAC)



| UNIT INTEGRITI & PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB |



HARIAN METRO

01.03.2023

JUMAAT

Empat polis nafi terima rasuah RM11k

Kuala Lumpur: Empat anggota polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menerima suapan wang tunai lebih RM11,000 untuk tidak mengambil tindakan terhadap seorang wanita warga Bangladesh memiliki pasport palsu.

Koperal Muhammad Fariduddin Ibrahim, 43, Sarjan Mohd Hashifuddin Md Nadirin, 39, Lans Koperal Mohamad Suhairi Hashim, 30, dan Koperal Mathew Kilat, 36, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan terhadap mereka dibaca di hadapan Hakim Suzana Hussin.

Mengikut pertuduhan, kesemua mereka didakwa

dengan niat bersama menerima suapan iaitu wang RM11,700 daripada warga Bangladesh, Md Masud Abdul Latif sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap Baishaki Aktar Mim kerana memiliki pasport palsu di Balai Polis Jalan Tun Razak pada 9 malam, 21 Ogos lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 akta sama, yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan di-

denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Keempat-empat tertuduh juga mengaku tidak bersalah atas pertuduhan pilihan iaitu bersama-sama menerima wang tunai RM11,700 daripada lelaki sama tanpa balasan, dan mereka tahu ia ada kena mengena dengan kerja-kerja rasmi mereka.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di lokasi, masa dan tarikh sama, mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksan (Akta 574) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 165 kanun sama.



Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah Kebangsaan 2024



Anwar diiringi Steven Sim dan Azam melancarkan Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah Kebangsaan 2024 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Anggota Kabinet terbabit rasuah wajib digugurkan

Anwar sudah arah SPRM ambil tindakan jika menteri terbabit salah laku

Oleh Rohaniza Idris
dan Illah Hafiz Abd Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan mana-mana anggota Kabinet di bawah pimpinannya yang didapati terbabit dengan salah laku rasuah, wajib digugurkan daripada jawatan mereka.

Perdana Menteri berkata tindakan itu diambil bagi menyelamatkan negara daripada gejala rasuah.

Malah, beliau juga sudah mengarahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil tindakan terhadap jemaah Menteri yang didapati terbabit dengan salah laku itu.

"Sudah setahun lebih kita memerintah...banyak diserang, tetapi saya tanya di Parlimen dan di luar Parlimen beri satu bukti menteri, perdana menteri sekarang kalau mereka ada rasuah dan kalau ada, kita siasat, dakwa dan ikut badan kehakiman...hukum.

"Namun tidak ada, dan (selepas) setahun tiga bulan saya 'tabik' dengan rakan-rakan, kita bo-

leh beri imej rakan kepimpinan yang bersih daripada rasuah, dan ingatan itu jelas.

"Kalau ada, saya akan kata jangan tanya saya, persila ambil tindakan dan orang berkenaan wajib digugurkan, baru negara selamat," katanya ketika merasmikan Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah Kebangsaan (NACS) 2024 di sini, semalam.

Program sehari itu dianjurkan Kementerian Sumber Manusia dan Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) dengan kerjasama SPRM.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said; Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming dan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad.

Tiada pengecualian siasatan

Dalam ucapannya itu, Anwar turut memberi peringatan keras supaya SPRM tidak mengecualikan mana-mana siasatan ke atas kepimpinan yang ada sekarang berkaitan rasuah.

Katanya, SPRM juga boleh memantau setiap tender atau keputusan yang dibuat kerajaan.

Menurutnya, ketika ini ramai dalam kalangan elit, sama ada orang politik, korporat atau pun bekas pengurusan negara yang tidak senang dengan wacama mengenai rasuah kerana mereka sudah bergelumang dengannya.

Malah, katanya mereka yang terpalit dengan rasuah akan me-

lawan dengan 'kencang' dan kuat.

"Kalau di Parlimen melalak tak tentu arah, sampai ada seorang Ahli Parlimen ini marah sangat kerana didakwa hingga dia kata ini Perdana Menteri pun korup.

"Tapi apa buktinya, apa laporannya. Tidak ada dan tidak mengapalah kerana saya dan rakan-rakan (Kabinet) boleh jawab (tuduhan)," katanya.

Anwar menegaskan apa yang penting, semua orang perlu sedar dan memberi dokongan yang penuh kepada SPRM dan kerajaan dalam usaha melawan rasuah.

"Jangan sesekali berasa lemah, kalau kita berasa lemah negara ini akan hancur," katanya.

Dalam perkembangan yang sama, Anwar menyatakan kebimbangan dengan kefahaman yang mendatar dan dangkal berkaitan rasuah.

"Kadang-kadang, dia kata tak apalah rasuah, IMDB atau Spanco itu biasalah. Jadi Menteri Kewangan tak rasuah, bodohlah, jadi Perdana Menteri tak kaya tak cerdik. Tapi apa kesan dia, kita tak dapat apa-apa.

"Jadi, kefahaman mengenai rasuah itu sangat mendatar dan dangkal, dia lupa berpuluh bilion sepatutnya hak rakyat ini sudah disakau," katanya.

Anwar turut mempersoal sikap pemimpin pembangkang yang dilihat masih membisu dan tidak menyatakan sebarang sokongan terhadap usaha SPRM menyiasat golongan atasan dikaitkan dengan isu rasuah.



Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah Kebangsaan 2024

SPRM yakin menantu Muhyiddin boleh dikesan

Pendakwaan tanpa kehadiran tertuduh langkah terakhir

Oleh Rohanita Idris
dan Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendakwaan secara *in absentia* (tanpa kehadiran tertuduh) terhadap ahli perniagaan, Datuk Seri Muhammad Adlan Berhan yang juga menantu bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, akan menjadi langkah terakhir diambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tindakan perundangan berkait kesnya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata walaupun tindakan undang-undang berkenaan boleh dilakukan, pihaknya belum ke arah itu kerana percaya Muhammad Adlan masih boleh dikesan.

Katanya, SPRM sedang bekerjasama dengan agensi penguat

kuasa antarabangsa untuk mengesan keberadaan Muhammad Adlan.

Belum buat tuduhan

"Kita belum lagi menuduh beliau kerana kita masih mengesan keberadaannya di luar negara. Jika ada (dikesan dan pulang), kita akan tuduh di mahkamah.

"Berhubung pendakwaan tanpa kehadiran, memang kita mengeluarkan waran tangkap terhadap beliau, tetapi kita belum memutuskan pendakwaan sedemikian.

"Ia boleh dilakukan tetapi ia adalah opsi terakhir kerana saya masih percaya beliau boleh dikesan dan dibawa balik untuk menghadapi pertuduhan," katanya selepas perasmian Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah Kebangsaan 2024 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini, semalam.

Minggu lalu, Azam dilaporkan berkata, beberapa kertas pertuduhan ke atas Muhammad Adlan sudah lengkap membabitkan beberapa dakwaan, termasuk jenayah pecah amanah (CBT).

Media sebelum ini melaporkan

Siasatan menantu Muhyiddin lengkap, tapi suspek gagal dikesan



Keratan akhbar BH
23 Februari lalu.

SPRM sedang mengesan dua lelaki tempatan bagi membantu siasatan kes penyelewengan projek pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing bagi sebuah Kementerian.

Menurut SPRM, dua individu berkenaan ialah Muhammad Adlan dan peguam, Mansoor Saad, dengan kedua-duanya dikenal pasti meninggalkan Malaysia masing-masing pada 17 Mei dan 21 Mei 2023.

Dalam pada itu, Azam mengesahkan pihaknya belum menerima pengisytiharan senarai harta daripada dua anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Minggu lalu, portal berita melaporkan SPRM difahamkan

memberi tempoh 30 hari lagi untuk Tan Sri Mokhsaani mengisytiharkan harta selepas ahli perniagaan membuat permohonan secara rasmi.

Dalam laporan berkenaan, Azam dipetik memaklumkan Mirzan juga sudah membuat permohonan sama dan turut diberikan lanjutan 30 hari pengisytiharan hartanya kepada agensi pencegahan rasuah itu.

Bulan lalu, media melaporkan, SPRM mengeluarkan perintah notis mengikut Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM 2009 terhadap Mirzan dan Mokhsani yang kedua-duanya turut dipanggil untuk disoal siasat dan ketika itu asas sebenar siasatan tidak jelas.

Mengenai siasatan kes membabitkan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, Azam berkata, proses itu sedang berjalan.

"Perlu diingatkan, tuduhan di mahkamah adalah mengenai pengisytiharan harta, tetapi kes membabitkan tuduhan lain terhadap beliau masih berjalan. Masih ada keterangan lanjut daripada pelbagai pihak termasuk dari luar negara," katanya.



BERITA HARIAN

01.03.2023

JUMAAT

'Tiada pegawai hubungi Wan Saiful'

Kuala Lumpur: Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki mengesahkan tiada pegawainya yang menghubungi Datuk Wan Saiful Wan Jan selepas Ahli Parlimen Tasek Gelugor itu membuat pendedahan mengenai pujukan supaya menyokong Perdana Menteri.

Azam berkata, beliau sendiri membuat pemeriksaan berhubung dakwaan, tetapi mendapati tiada pegawainya yang berbuat sedemikian. Beliau berkata, individu yang menghubungi Wan Saiful itu berkemungkinan ialah pihak yang mengaku pegawai SPRM.

"Saya sudah *check* (periksa) dengan pegawai saya, tiada pegawai SPRM yang menghubunginya semalam.

"Ia mungkin orang lain yang menyatakan dia adalah daripada SPRM," katanya ditemui perasmian Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah Kebangsaan 2024 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini, semalam.



SINAR HARIAN

05.03.2023

SELASA

SPRM beri tempoh sehingga Ahad ini pada Wan Saiful

SEREMBAN - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi tempoh sehingga Ahad ini kepada Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan untuk tampil ke SPRM berhubung pendedahan beliau di Dewan Rakyat mengenai tawaran habuan untuk menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan

Sri Azam Baki berkata, sekiranya ahli Parlimen tersebut tidak berbuat demikian, satu tindakan terhadapnya akan diambil.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan tindakan bakal diambil, namun memberitahu ia akan diumumkan kemudian.

"Setakat sekarang yang saya rujuk kepada Ibu Pejabat SPRM dan pegawai saya, beliau (Wan Saiful) belum lagi datang ke

SPRM untuk buat aduan atau laporan seperti mana yang beliau timbulkan di Dewan Rakyat.

"Jadi kita akan panggil beliau minggu depan sekiranya dalam minggu ini beliau masih belum datang ke SPRM," katanya pada sidang akhbar selepas Bicara Eksekutif Anti Rasuah Kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Negeri Sembilan ke-15 di Wisma Negeri di sini pada Isnin.



AZAM



SINAR HARIAN

05.03.2023

SELASA

Permohonan Daim, keluarga cabar siasatan SPRM ditolak

KUALA LUMPUR – Permohonan bekas Menteri Kewangan, Tun Dr Daim Zainuddin dan keluarganya untuk mencabar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap mereka, ditolak oleh Mahkamah Tinggi di sini, pada Isnin.

Hakim, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh memutuskan ketika prosiding permohonan Daim, 86, isteri serta empat anak termasuk Ilham Tower Sdn Bhd untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman dan mengarahkan SPRM menghentikan penyiasatan terhadap mereka.

Dalam kes ini, Tommy mewakili Daim, isterinya, Toh Puan Nai'mah Khalid, 67, dan empat anak, Asnida, 63; Md Wirā Dani, 46; Muhammed Amir Zainuddin, 29; Muhammed Amin Zainuddin, 26, serta menara itu selaku pemohon pertama hingga ketujuh.

Sementara Peguam Kanan Persekutuan, Shamsul Bolhassan hadir mewakili SPRM.

Ketika membaca keputusan, hakim itu berkata,

sebagai peraturan am, penggunaan kuasa ketika siasatan jenayah tidak terbuka kepada semakan kehakiman di bawah Aturan 53 Kaedah Mahkamah 2012.

Bagaimanapun, katanya, satu cara pemohon boleh mencabar penyiasatan jenayah ialah membuktikan kewujudan 'mala fide'.



DAIM ZAINUDDIN

"Sekadar syak wasangka 'mala fide' atau dakwaan ugutan tidak mencukupi, maka pemohon gagal membuktikan 'mala fide' di pihak pegawai penyiasat SPRM.

"Mengenai dakwaan bahawa notis yang dikeluarkan SPRM adalah menyalahi undang-undang, namun penggunaan tafsiran undang-undang yang berbeza tidak membawa kepada kesilapan yang boleh diterima pakai oleh semakan kehakiman," katanya.

Selain itu beliau berkata, penegasan bahawa kesalahan yang didakwa adalah kesalahan lapuk bukanlah pembelaan yang diketahui dalam undang-undang jenayah.



SINAR HARIAN

05.03.2023

SELASA

Bekas bendahari tidak mengaku salah guna wang masjid RM12,000

JOHOR BAHRU - Seorang bekas bendahari Masjid Kampung Sri Machap di Kluang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin bagi pertuduhan menyalahgunakan wang milik masjid itu, dua tahun lalu.

Tertuduh, Syaharullah Ismail, 44, minta dibicarakan selepas membuat pengakuan berkenaan sejurus pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut kertas pertuduhan, pemandu lori itu didakwa dengan menyalahgunakan wang milik masjid di kampung terbabit berjumlah RM12,000.

Perbuatan itu dilakukan pada jam 9.17 malam di sebuah bank di Bangunan Tabung Haji, Jalan Dato' Kapten Ahmad, pada 12 November 2022.

Mengikut pertuduhan, lelaki terbabit telah melakukan kesalah-

an yang boleh dihukum di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nur Zahida Muhammad Rozi manakala tertuduh diwakili peguam lantikan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), K Bharathi.

Nur Zahida memohon tawaran jaminan sebanyak RM10,000. Bharathi dalam rayuannya memohon jaminan RM5,000 terhadap anak guamnya memandangkan pendapatannya tidak menentu kira-kira RM1,500 manakala isteri bekerja sebagai guru dan mempunyai tiga anak berusia 13 hingga empat tahun yang bersekolah.

Hakim membenarkan pemandu lori terbabit diikat jamin sebanyak RM5,000 dan mahkamah menetapkan 8 April ini sebagai sebutan semula kes itu.



Syaharullah (kanan) didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Isnin atas pertuduhan menyalahgunakan wang masjid.



SINAR HARIAN

06.03.2023

RABU

Keputusan rayuan kes rasuah libatkan Isa Samad hari ini

KUALA LUMPUR - Keputusan rayuan bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad terhadap sabitan dan hukuman bagi sembilan pertuduhan rasuah berkaitan pembelian sebuah hotel di Sarawak akan diketahui pada Rabu.

Keputusan itu dijangka diumumkan oleh panel tiga hakim Mahkamah Rayuan yang terdiri daripada Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Datuk

S.M.Komathy Suppiáh pada 9 pagi.

Pada 3 Februari 2021, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mensabitkan Mohd Isa, 73, bersalah atas semua pertuduhan rasuah membabitkan RM3.09 juta dalam pembelian Merdeka Palace Hotel & Suites.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali (kini Hakim Mahkamah Rayuan) menjatuhkan hukuman penjara enam tahun bagi setiap pertuduhan dan denda

RM15.45 juta atau penjara 18 tahun jika gagal membayar denda itu, ke atas Mohd Isa.

Bagaimanapun, Mohd Isa hanya perlu menjalani hukuman penjara selama enam tahun apabila mahkamah memerintahkan kesemua hukuman penjara berjalan serentak.

Mohd Isa yang juga bekas Menteri Besar Negeri Sembilan telah memfailkan notis rayuan pada 4 Februari 2021.- *Bernama*



SINAR HARIAN

06.03.2023

RABU

Isteri Daim cabar kesahihan pertuduhan SPRM di Mahkamah Tinggi

KUALA LUMPUR - Isteri bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin telah memfailkan permohonan bagi merujuk persoalan undang-undang mengenai kesahihan pertuduhan yang dikenakan terhadap beliau di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Menerusi notis usul yang difailkan Khamis lepas di bawah Seksyen 30(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid memohon Mahkamah Sesyen memberikan suatu perintah untuk merujuk soalan mengenai kesan peruntukan Perlembagaan Persekutuan kepada Mahkamah Tinggi.

Persoalan itu ialah sama ada Seksyen 30(5) dan 36(2) Akta SPRM 2009 melanggar hak seseorang untuk dilindungi daripada membabitkan diri dengan suatu kesalahan serta hak untuk tidak dipaksa memberikan keterangan dalam suatu kesalahan dan yang akan digunakan dalam prosiding terhadapnya atau hak untuk suatu perbicaraan adil.



NA'IMAH

Beliau juga memohon mahkamah menentukan sama ada ia melanggar Perkara 5 (kebebasan diri) serta Perkara 8 (perlindungan sama rata di sisi undang-undang) Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya menjadikannya tidak berperlembagaan serta terbatal.

Na'imah turut memohon supaya prosiding di Mahkamah Sesyen berhubung pertuduhan terhadap beliau ditangguhkan sehingga permohonan itu didengar dan diputuskan serta perintah lain yang difikirkan wajar oleh mahkamah.

Pada 23 Januari lepas, Na'imah, 66, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan gagal mematuhi notis SPRM dengan tidak mengisytiharkan harta termasuk Menara Ilham serta beberapa hartanah sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Mengikut pertuduhan, Na'imah didakwa dengan sengaja memberikan satu pernyataan bertulis dengan bersumpah yang tidak mematuhi terma notis bertarikh 8 November 2023 yang dihantar kepada beliau oleh pegawai SPRM berpangkat Pesuruhjaya pada 14 November 2023 iaitu tidak mengisytiharkan harta. - *Bernama*



HARIAN METRO

07.03.2023

KHAMIS

Johor Bahru: Tiga pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bersama dua orang awam ditahan kerana disyaki meminta dan menerima rasuah bagi menyeludup warga asing masuk menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS) di sini, kelmarin.

Sumber berkata, kelima-lima suspek itu membabitkan empat lelaki dan seorang perempuan berusia 35 hingga 46 tahun.

Menurutnya, penahanan mereka dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor dengan kerjasama Unit Integriti JIM Johor.

"Tiga pegawai imigresen yang bertugas di LTAS dan dua orang awam itu ditahan jam 5 petang hingga 11 malam semalam

5 ditahan minta, terima suapan

(kelmarin) secara berasingan di Pejabat SPRM Johor dan di Larkin, Johor Bahru.

"Pasukan integriti JIM Johor membuat pemeriksaan telefon bimbit milik pegawai yang sedang bertugas di LTAS dan menemui beberapa pesanan ringkas menerusi aplikasi WhatsApp dalam telefon bimbit pegawai itu.

"Pesanan itu mengandungi penawaran dan penerimaan wang rasuah daripada warga asing yang ingin memasuki Malaysia melalui pegawai-pegawai imigresen berkenaan.

"Ia bagi membantu menerima masuk warga asing

tanpa melalui proses dan prosedur betul mengikut Arahan Tetap Ketua Pengarah dan Akta Imigresn 1956/63," katanya.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sementara itu, kesemua suspek direman lima hari mulai semalam sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Perintah reman itu dibenarkan Penolong Kanan Pendaftar, Nurkhalida Farhana Abu Bakar selepas permohonan dikemukakan SPRM, semalam.



Dakwa dinafikan hak diwakili peguam

Ratu Naga saman SPRM

Penyedia kandungan media sosial anggap tindakan berniat jahat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyedia kandungan media sosial, Syarul Ema Rena Abu Samah atau lebih dikenali sebagai Ratu Naga, memfailkan saman semula terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas dakwaan dinafikan hak untuk diwakili peguam ketika disoal siasat agensi itu, bulan lalu.

Dalam saman semula yang difailkan pada 26 Februari lalu menerusi Tetuan Daim & Gamany di Mahkamah Tinggi di sini, Ratu Naga selaku plaintif turut menamakan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan.

Ratu Naga memohon perisytiharan bahawa beliau mempunyai hak di sisi undang-undang menurut Perkara 5 Perlembagaan (kebebasan diri) untuk diwakili oleh peguam apabila diperiksa secara lisan dan disoal di bawah seksyen 30(1)(a) Akta SPRM 2009.

Beliau juga memohon perisytiharan bahawa penafi-

an haknya untuk diwakili peguam menyalahi undang-undang dan tidak berperlembagaan kerana melanggar Perkara 5 dan Perkara 8 (kedudukan sama rata di sisi undang-undang)

Plaintif berkata, pada 16 Februari lalu, beliau ditahan SPRM selepas penggeledahan dilakukan di rumahnya sebelum beliau dibawa ke ibu pejabat SPRM bersama-sama pegawai agensi itu untuk disoal siasat.

Sepanjang soal siasat itu, Ratu Naga mendakwa dinafikan hak untuk diwakili peguam.

Beliau berkata, peguamnya membuat permintaan berulang kali kepada pegawai

SPRM untuk diberi akses mewakilinya ketika diambil kenyataan, tetapi dinafikan.

Pelanggaran jelas

Ratu Naga berkata, pada setiap masa material sehingga dibebaskan pada jam 7.30 malam, beliau berada di bawah tahanan pihak defendan.

Katanya, tindakan menafikan hak untuk diwakili peguam adalah pelanggaran jelas dan tidak munasabah serta berniat jahat kerana ia menjejaskan haknya.

Azam pada 16 Februari lalu dilaporkan berkata, Ratu Naga tidak ditahan sebaliknya dipanggil untuk memberi keterangan oleh SPRM.

Beliau berkata aktivis politik itu disiasat berhubung dakwaan menerima beberapa peratus hasil kutipan sumbangan yang diberi kepada sebuah badan bukan kerajaan.



Syarul Ema Rena Abu Samah



SPRM sedia siasat dakwaan pegawai bocorkan maklumat

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersedia untuk menyiasat sebarang dakwaan membabitkan pegawainya yang membocorkan maklumat kepada mana-mana pihak termasuk media.

Bagaimanapun Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata rekod SPRM mengesahkan belum ada laporan polis dibuat berhubung perkara berkenaan kerana dakwaan yang dibuat itu terlalu umum.

Beliau menegaskan dalam menjalankan penyiasatan di SPRM, banyak pihak terbabit dalam proses itu atas pelbagai kapasiti sama ada sebagai suspek, saksi, pihak mahkamah, peguam dan pemberita ketika proses permohonan reman dibuat.

"Siasatan SPRM di mana-mana premis juga sering menjadi perhatian umum. Justeru, pihak yang berkenaan ketika penyiasatan berlaku juga mempunyai pengetahuan berkaitan siasatan berkenaan.

"Oleh yang demikian adalah agak sukar untuk mengesahkan atau menuduh mana-mana pihak sebagai terbabit dalam apa-apa pembocoran maklumat berkaitan dengan sesuatu siasatan," katanya menerusi jawapan bertulis

yang disiarkan di laman web Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Wan Saiful Wan Jan (PN-Tasek Gelugor) sama ada laporan polis sudah dibuat serta apa tindakan kerajaan berkaitan kebocoran maklumat kepada media melalui 'sumber' yang sering berlaku di SPRM kerana menimbulkan persoalan mengenai integriti SPRM.

Sebelum ini, Wan Saiful pernah menggesa SPRM mengambil tanggungjawab dengan membuat laporan kepada polis sekiranya berlaku kebocoran maklumat siasatan agensi itu kepada media jika benar perkara itu tiada kaitan dengan pihaknya.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU itu juga berkata,

tindakan itu perlu diambil bagi membuktikan tidak wujud sebarang kebocoran 'terpilih'.

Pengerusi Pertubuhan Aspirasi Wanita Malaysia (ASWA), Wan Azliana Wan Adnan dilapor menegaskan sebarang siasatan SPRM tidak boleh diuar-uarkan kepada media selagi belum selesai, lantas isu kebocoran maklumat siasatan oleh agensi itu memerlukan siasatan dalam secara menyeluruh bagi memastikan tiada isu 'komplot'.

Dalam pada itu, Azalina berkata pegawai SPRM akan mengawal segala maklumat berkait sesuatu penyiasatan bagi mengelakkan maklumat itu terdedah kepada pihak yang tidak berkaitan dan boleh menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan.

Siasatan SPRM di mana-mana premis juga sering menjadi perhatian umum. Justeru pihak yang berkenaan ketika penyiasatan berlaku juga mempunyai pengetahuan berkaitan siasatan itu

Azalina Othman Said,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Undang-undang dan Reformasi Institusi)





SINAR HARIAN

10.03.2023

AHAD

RB sedia jadi orang tengah perangi rasuah

Bantu badan beruniform suarakan kepincangan dalam organisasi

Oleh DIANA AZIS
PUTRAJAYA

Rasuah Busters (RB) sedia membantu mana-mana pasukan badan beruniform di negara ini untuk membawa isu kepincangan yang berlaku dalam urus tadbir organisasi berkenaan.

Penasihat Projek RB, Datuk Muhammad Nasir Hamzah berkata, badan bukan kerajaan (NGO) itu akan menjadi orang tengah untuk menentang perbuatan rasuah demi menyelamatkan Malaysia daripada pihak yang menyalahgunakan kuasa.

"Jika mereka mempunyai masalah, RB boleh ke depan untuk membela dan menjadi suara kepada mereka.

"Mungkin mereka takut untuk menyuarakan sesuatu, oleh itu RB akan berada di barisan hadapan untuk suarakan kepincangan dalam perkhidmatan terbabit," katanya ketika ditemui selepas sesi perbincangan meja bulat kursus Memperkukuh Tadbir Urus Baik Sebagai Budaya di Maktab Ketahanan Nasional di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Muhammad Nasir yang juga Penasihat Bersama Kumpulan Karangkrak turut mengesyorkan semua pasukan badan beruniform dan penjawat awam untuk mengadakan kursus berkaitan urus tadbir baik bagi menyebarkan mesej antirasuah dalam organisasi.

Ini kerana katanya, perkara berkenaan tidak hanya melibatkan segelintir rakyat tetapi isu menyeluruh yang boleh memberi kesan kepada negara.

"Beri pendedahan dengan memanggil orang yang pakar dalam bidang tertentu supaya timbul kesedaran mengenai urus tadbir baik.



Muhammad Nasir (kiri) menerima cenderahati daripada Johnny selepas sesi perbincangan meja bulat kursus tadbir urus baik di Maktab Ketahanan Nasional dekat Putrajaya pada Khamis.



"Jika tidak didedahkan, sampai bila-bila sistem pentadbiran organisasi tidak akan berubah," ujarnya.

Sementara itu, Komandan Maktab Ketahanan Nasional, Mejar Jeneral Datuk Johnny Lim Eng Seng berkata, maktab itu menawarkan program lanjutan selama setahun melibatkan pegawai tertinggi dalam angkatan tentera.

"Kohort kelima ini telah memulakan pengajian pada 8 Januari lalu melibatkan 18 penuntut termasuk empat dari luar negara iaitu seorang brigedier jeneral dari India dan tiga kolonel masing-masing dari Singapura, Indonesia dan Nigeria.

"Ini merupakan kursus paling tinggi dalam ATM dan memandangkan ia melibatkan pegawai tinggi, mereka tidak lagi belajar tentang operasi dan taktikal tetapi berkaitan strategi serta dasar pertahanan negara termasuk keselamatan," jelasnya.

Di akhir kursus tersebut, Johnny memaklumkan, satu kertas polisi akan dibentangkan kepada pihak berkepentingan untuk dijadikan rangka kepada dasar baharu atau rujukan.

"Mana-mana agensi yang memerlukan data atau informasi boleh rujuk di arkib kami. Ia bukan sahaja kajian malah ada juga statistik.

"Banyak idea yang boleh digunakan oleh agensi atau kementerian berkaitan," katanya.



SINAR HARIAN

13.03.2023

RABU

Rasuah lebih RM5 juta: Empat penjawat awam direman

PUTRAJAYA - Empat penjawat awam direman empat hari kerana disyaki menerima rasuah lebih RM5 juta daripada sindiket penyeludupan tembakau, rokok dan arak secara haram melalui pintu masuk negara.

Perintah reman sehingga 15 Mac itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa.

Menurut sumber, empat suspek lelaki berusia 40-an hingga 50-an itu ditahan sekitar Lembah Klang antara jam 11.30 pagi hingga 4 petang Isnin.

"Kesemua mereka ditahan dalam operasi khas dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara Malaysia.

"Dalam operasi ini, SPRM menahan lapan individu termasuk empat penjawat awam yang dipercayai bersekongkol dengan sindiket berkenaan sejak tahun 2018 hingga 2023," katanya pada Selasa.

Susulan operasi itu, AML SPRM turut merampas pelbagai barangan seperti telefon bimbit, komputer riba, komputer peribadi, wang tunai, rumah dan kereta yang dianggarkan bernilai hampir RM6 juta.

Selain itu, SPRM turut membekukan sebanyak 237 akaun bank membabitkan wang berjumlah kira-kira RM12 juta.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan empat suspek tersebut.



Kesemua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman pada Selasa.



SINAR HARIAN

15.03.2023

JUMAAT

Berhubung dakwaan
kes rasuah melibatkan
Daim Zainuddin

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

SPRM serbu rumah ahli perniagaan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyerbu rumah dan menyiasat ahli perniagaan serta pemaju hartanah, Akbar Khan berhubung dakwaan kes rasuah yang melibatkan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Memetik laporan CNA, pemegang saham utama BRDB Developments Sdn Bhd itu disiasat berikutan terdapat dakwaan pengubahan wang haram dan rasuah.

Susulan itu, pihak berkuasa telah menahan beliau dan menyiasat pada minggu lalu selepas menyerbu rumah serta premis perniagaan miliknya di Kuala Lumpur.

Menurut sumber kanan SPRM, akaun perniagaan dan peribadi milik Akbar Khan telah dibekukan dan beliau telah diarahkan supaya mengisytiharkan semua aset termasuk pegangan kewangan keluarganya.

Berikutan kejadian terbabit, pemaju hartanah tersebut dijangka akan dipanggil semula untuk disoal siasat bersama beberapa individu lain dalam tempoh masa terdekat.

Kedua-dua individu terbabit berperanan dalam penghantaran balik saham beku bernilai AS\$4 bilion atau bersamaan RM18.75 bilion yang pernah



AKBAR KHAN

DAIM ZAINUDDIN

disenarakan dalam Central Limit Book Order (CLOB).

Namun, pasaran perdagangan Singapura tidak lagi berfungsi dalam urusan niaga yang melibatkan pertukaran pegangan saham di konglomerat Multi-Purpose Holdings Bhd (MPHB) pada akhir 1990-an dan 2000 di Malaysia.

Difahamkan siasatan itu turut dikaitkan dengan pengambilalihan Akbar Khan ke atas MPHB pada 1999 termasuk struktur perjanjian tersebut.

SPRM juga sedang menyiasat berkenaan pinjaman sebanyak AS\$140 juta unit MPHB di British Virgin Islands, Eightybridge, Amerika Syarikat dan

Strykers Development Inc yang digunakan untuk memperoleh kawalan saham MPHB daripada ahli perniagaan, Lim Thian Kiat.

Akbar Khan juga telah memperoleh hak eksklusif dalam meletakkan asas pengambilalihan MPHB daripada Kementerian Kewangan yang ketika itu dipimpin oleh Daim dalam mengendalikan penghantaran balik saham beku bernilai lebih AS\$4 bilion di CLOB.

Menerusi pejabat Akbar Khan, mereka enggan mengulas sebarang kenyataan berhubung penyiasatan itu dan memberi tumpuan terhadap keadilan kes berkenaan.

Sebelum ini, isteri Daim, Toh Puan Na'imah Abdul Khalid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas satu pertuduhan, gagal mematuhi notis SPRM dengan tidak mengisytiharkan 12 aset harta antaranya di ibu negara dan Pulau Pinang.

Susulan itu, Daim telah disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 4 (1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).



HARIAN METRO

18.03.2023

ISNIN

KENDERAAN mewah yang disita SPRM menerusi operasi khas sekitar Lembah Klang.



Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita lapan kenderaan mewah dianggarkan bernilai hampir RM6 juta milik individu yang dipercayai ada kaitan dengan sindiket penyeludupan tembakau, arak dan rokok.

Menurut sumber, antara kenderaan disita ialah Lamborghini, Lexus, Mercedes, BMW, Volvo dan Toyota menerusi operasi khas sekitar Lembah Klang.

Katanya, operasi dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM sejak Isnin lalu dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Kenderaan ini disita daripada beberapa individu erjawatan sebagai pemilik syarikat serta orang tengah yang membayar wang sogokan kepada pegawai di sebuah agensi penguat kuasa," katanya.

Selain itu, sindiket dikesan terbabit dengan aktiviti pengubahan wang haram dengan cara 'mencuci duit' melalui 'syarikat

SPRM 'angkut' kereta RM6j

Sita kenderaan mewah dipercayai milik individu terbabit sindiket seludup arak, rokok

"Sindiket guna akaun keldai bagi melakukan transaksi pembayaran wang rasuah"

hantu', pengurup wang dan syarikat pinjaman wang berlesen.

Sumber berkata, kegiatan penyeludupan itu dipercayai menyebabkan ketirisan hasil cukai dianggarkan lebih daripada RM400 juta, selain memberi wang rasuah lebih RM8 juta kepada beberapa individu termasuk penjawat awam bagi melancarkan aktiviti mereka.

"Modus operandi sindiket guna akaun keldai bagi melakukan transaksi pembayaran wang rasuah kepada penjawat awam yang bersekongkol dengan mereka," katanya.

Sementara itu, Pengarah AML, SPRM, Datuk

Mohamad Zamri Zainul Abidin mengesahkan sitaan lapan kenderaan mewah berkenaan dan individu yang ditahan disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.

Metro Ahad semalam melaporkan sindiket menggunakan taktik seludup masuk barangan seperti arak, tembakau dan rokok dengan membuat pengisytiharan palsu bagi menga-

beri pihak berkuasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Mereka turut membawa masuk alat ganti kereta dan peralatan kosmetik tanpa kelulusan kastam sebelum 'lolos' apabila penjawat awam tidak melakukan pemeriksaan ketat akibat sudah menerima imbuhan masing-masing.





SPRM sita lapan kereta mewah RM6j

Pemilik disyaki terabit sindiket penyeludupan tembakau, arak dan rokok

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyita lapan kenderaan mewah dianggar hampir RM6 juta milik individu yang dipercayai terabit sindiket penyeludupan tembakau, arak dan rokok.

Menurut sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kenderaan itu terdiri daripada masing-masing sebuah

Lamborghini, Lexus, Mercedes, BMW, Volvo dan dua Toyota.

Kenderaan itu disita dalam operasi khas sekitar Lembah Klang dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM, sejak Isnin lalu dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

"Kenderaan terabit disita daripada beberapa individu yang berjawatan sebagai pemilik syarikat serta orang tengah yang membuat bayaran wang sogokan kepada pegawai di sebuah agensi penguat kuasa," katanya.

Aktiviti cuci wang

Sindiket itu juga dikesan terabit aktiviti pengubahan wang haram dengan mencuci duit menggunakan akaun perniagaan 'syarikat hantu', melalui pengurup wang dan syarikat pin-

jaman wang berlesen.

Kegiatan penyeludupan sindiket ini dipercayai menyebabkan ketirisan hasil cukai yang dianggarkan lebih daripada RM400 juta dan memberi wang rasuah lebih RM8 juta kepada beberapa individu, termasuk penjawat awam bagi melancarkan kegiatan penyeludupan.

Sindiket ini dipercayai menggunakan modus operandi dengan menggunakan akaun keldai bagi melakukan transaksi pembayaran wang rasuah kepada penjawat awam yang bersekongkol dengan mereka.

Sementara itu, Pengarah AML SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin mengesahkan sitaan terhadap lapan kenderaan mewah berkenaan dan individu yang ditahan disiasat di bawah Seksyen 17(a) dan Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN

18.03.2023

ISNIN

SPRM sita lapan kenderaan mewah hampir RM6 juta

KUALA LUMPUR - Lapan kenderaan mewah dianggarkan bernilai hampir RM6 juta milik individu dipercayai terbabit dalam sindiket penyeludupan tembakau, arak dan rokok disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi operasi di sekitar Lembah Klang sejak Isnin lalu.

Operasi besar-besaran yang dijalankan itu turut membongkar tindakan sindiket yang dipercayai memberi wang rasuah lebih RM8 juta kepada beberapa individu termasuk penjawat awam bagi melancarkan kegiatan penyeludupan yang dilakukan mereka.

Menurut sumber, kesemua kenderaan mewah itu disita Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM.

"Antara kenderaan mewah berkenaan terdiri daripada dua Lamborghini, (1) Lexus, (1) Mercedes, (1) BMW, (1) Volvo dan (2) Toyota.

"Operasi serta serbuan ini turut dijalankan dengan kerjasama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM)," katanya.



HARIAN METRO

20.03.2023

RABU

Kangar: Seorang penyelia direman lima hari sehingga Ahad ini bagi membantu siasatan terhadap dakwaan meminta suapan sebagai balasan untuk memperakukan siap kerja penyelenggaraan kompleks kolam renang pada 2022 hingga tahun lalu.

Perintah reman dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftaran, Ahmad Hamdi Mus-

Penyelia minta RM4,600 bagi perakuan siap kerja direman 5 hari

tafar di Kompleks Mahkamah Kangar, semalam.

Sumber berkata, penahanan suspek berusia 55 tahun itu dilakukan untuk siasatan selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) meneri-

ma laporan awam.

"Siasatan mendapati suspek dipercayai meminta rasuah RM4,600 setiap bulan antara Oktober 2022 hingga Ogos 2023 daripada pengurus syarikat kontraktor sebagai balasan untuk

memperakukan siap kerja bagi kerja penyelenggaraan kolam renang itu.

"Selain itu, wang sogokan itu turut diminta bagi tujuan membekal bahan kimia untuk kompleks kolam renang terbabit," katanya.



SUSPEK diiringi anggota SPRM di pekarangan Kompleks Mahkamah Kangar. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF

Harian Metro - 20/3/24 - Rabu



HARIAN METRO

20.03.2023

RABU

PEMBANTU TADBIR KANAN SEKOLAH DITAHAN

Guna jawatan beri kerja RM125K kepada syarikat anak

Melaka: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Melaka menahan Pembantu Tadbir Kanan sebuah sekolah, di sini, berhubung dakwaan menggunakan jawatan untuk memberikan kerja pembekalan dan perkhidmatan bernilai lebih RM125,000 kepada syarikat milik anaknya.

Menurut sumber, suspek berusia 54 tahun dan bertugas di sebuah sekolah di negeri ini ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka bagi membantu siasatan pada jam 2.40 petang, kel-

marin.

Majistret Khairunnisak Hassni membenarkan suspek ditahan reman tujuh hari sehingga 25 Mac depan selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, dekat sini, semalam.

Sumber berkata, suspek disyaki menggunakan jawatan dengan memberikan kerja-kerja pembekalan dan perkhidmatan di sekolah tempat dia bertugas sepanjang 2020 kepada syarikat miliknya.

Menurutnya, siasatan

awal mendapati nilai kerja-kerja pembekalan itu berjumlah kira-kira RM125,158.

"Siasatan juga dipercayai terdapat lagi kerja-kerja pembekalan bagi 2019, 2021 dan 2022 yang menggunakan modus operandi sama," katanya.

Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman suspek dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



SUSPEK ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka, kelmarin.



HARIAN METRO

21.03.2023

KHAMIS

Oleh Raja Noraina Raja
Rahim dan Muhaamad
Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket penyeludupan tembakau, rokok dan arak yang merasuah pegawai dan anggota penguat kuasa dikesan membeli hartanah menggunakan hasil penyeludupan itu.

Sumber berkata, modus operandi sindiket itu terbongkar menerusi siasatan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Sindiket itu menggunakan khidmat 'forwarding agent' sebagai orang tengah bagi membuat transaksi pembayaran rasuah untuk melicinkan proses kemasukan dan penyeludupan kargo berisi barangan seludup.

"Ejen berkenaan pula menggunakan wang yang dibekalkan sindiket itu untuk merasuah pegawai agensi penguat kuasa dengan membuat pemindahan wang menggunakan akaun keldai," katanya.

Mengulas lanjut, sumber

Guna akaun 'orang tengah' bayar rasuah

SPRM tahan 15 penjawat awam terbabit suapan RM3 juta dengan penyeludup tembakau, rokok, arak secara haram



ANTARA suspek disyaki menerima rasuah RM3 juta daripada sindiket penyeludupan dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya.

berkata, pegawai penguat kuasa yang menerima rasuah akan melicinkan kemasukan kargo tanpa melalui pengisytiharan dan

pemeriksaan yang sepatutnya.

Susulan itu, katanya, seramai 15 lagi penjawat awam ditahan SPRM, kel-

marin kerana disyaki menerima rasuah lebih RM3 juta daripada sindiket.

Menurutnya, penahanan dibuat Bahagian Pencega-

han Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM susulan Op Samba 2.0 yang dijalankan bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri

(LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sejak 11 Mac lalu.

"Hasil penahanan itu, AML SPRM turut merampas barangan seperti telefon bimbit serta membekukan akaun bank kesemua suspek," katanya.

Katanya, seramai 10 suspek termasuk seorang wanita direman selama empat hari sehingga Sabtu ini, manakala lima lagi individu dibebaskan dengan jaminan.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, di sini.

Sementara itu, Pengarah AML SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman 10 suspek itu, manakala lima suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Bellau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, SPRM sudah menahan reman 11 individu termasuk lima orang penjawat awam bagi membantu siasatan kes berkenaan.



HARIAN METRO

22.03.2023

JUMAAT

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Pegawai kerajaan dan usahawan padang ragut antara tiga individu direman empat hari bagi siasatan mengenai tuntutan palsu projek pembekalan ternakan bernilai lebih RM800,000.

Perintah reman bermula semalam hingga Ahad, dikeluarkan Majistret Noor Azreen Liana Mohd Darus selepas menerima permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penjawat awam, 38; usahawan, 41, dan pemilik syarikat, 38, itu ditahan SPRM ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Perak di sini.

Mereka didakwa secara bersama terbabit dalam memalsukan dokumen invoice bagi tuntutan bayaran projek bernilai RM836,798 merangkumi perkhidmatan membekal dan menghantar ternakan kambing tenusu, kambing pedaging dan bebiri dengan pensijilan import untuk projek subsektor ternakan daerah



TIGA individu direman empat hari bagi membantu siasatan SPRM.

TUNTUTAN PALSU PROJEK TERNAKAN RM800K

Tiga kena reman 4 hari

Perak Tengah.

Tuntutan juga didakwa termasuk program pembangunan jajaran Sungai Pe-

rak Tahun 2020 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak. Pengarah SPRM Perak

Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.



HARIAN METRO

23.03.2023

SABTU

CABAR KEABSAHAN PERTUDUHAN GAGAL ISYTIHAR HARTA

SPRM BANTAH PERMOHONAN ISTERI DAIM

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Pendakwa raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengemukakan bantahan awal terhadap permohonan isteri bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, Toh Puan Naimah Abdul Khalid (*gambar*) untuk mencabar keabsahan pertuduhan gagal mengisytiharkan harta dihadapinya.

Melalui affidavit balasan diikrarkan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Maziah Mohaide, pendakwa raya menegaskan tiada keperluan untuk Mahkamah Sesyen merujuk persoalan perlembagaan berhubung pertuduhan itu kepada Mahkamah Tinggi kerana permohonan Na'imah tidak mempunyai merit.

Menurut pendakwa raya, ia adalah kerana persoalan dibangkitkan Na'imah bukanlah satu isu perlembagaan dan ia juga tidak melanggar mana-mana perkara dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pendakwa raya berkata, hak seseorang untuk dilindungi daripada membabitkan dirinya sendiri dengan suatu kesalahan bukanlah suatu hak mutlak di bawah undang-undang dan ia bukan hak yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Jelas pendakwa raya, Seksyen 36 Akta SPRM 2009 adalah peruntukan yang memberi kuasa kepada pegawai SPRM untuk

memperoleh maklumat bagi tujuan siasatan.

"Peruntukan ini tidak melanggar Perkaras Perlembagaan Persekutuan (kebebasan diri) kerana apabila pemohon diberikan notis di bawah Seksyen 36, beliau belum ditangkap atau ditahan. Oleh itu, isu berlakunya pelanggaran Perkara 5 sebelum perbicaraan adalah pramatang.

"Peruntukan itu juga tidak melanggar perkara 8 Perlembagaan Persekutuan (kedudukan sama rata di sisi undang-undang) kerana seksyen 36 ini tidak hanya terpakai kepada pemohon, tetapi juga kepada orang lain yang dikemukakan dengan notis sama di bawah peruntukan ini, yang mana mereka akan dikenakan prosedur sama tanpa sebarang diskriminasi.

"Pemohon dilayan sama rata di sisi undang-undang dan tiada diskriminasi terhadapnya dalam konteks perkara 8 apabila beliau diperintahkan untuk mematuhi notis di bawah Seksyen 36. Tindakan pegawai SPRM adalah sama seperti mana-mana orang lain yang disiasat di bawah Akta SPRM 2009," kata pendakwa raya.

Pada sebutan kes itu semalam, Hakim Azura Alwi menetapkan pada 21 Mac ini untuk mendengar permohonan Na'imah yang difailkan pada 29 Februari dan turut menetapkan pada 9 Mei bagi se-

butan untuk permohonan hampir serupa difailkan suaminya pada 15 Mac lalu.

Sementara itu, mahkamah menetapkan pada 29 Mei untuk pendakwaan menyerahkan baki dokumen bagi pertuduhan gagal mengisytiharkan harta yang dihadapi pasangan terbabit.

Dalam prosiding semalam, pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shahrudin Wan Ladin dan Mohamad Fadhly Mohd Zamry manakala peguam bela M Puralalen bertindak bagi Daim dan Naimah.

Pada 29 Januari lalu, Daim atau nama sebenarnya Che Abdul Daim Zainuddin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas pertuduhan gagal mematuhi notis SPRM dengan tidak mengisytiharkan 70 aset hartanya dan satu akaun amanah saham. Disember tahun lalu.

Daim, 86, didakwa sengaja memberikan satu pernyataan bertulis secara bersumpah yang tidak mematuhi terma notis bawah Seksyen 36(1)(a) Akta SPRM 2009 bertarikh 8 November 2023.

Notis itu dihantar kepada tertuduh oleh seorang Pesuruhjaya SPRM pada 14 November tahun sama, iaitu dengan tidak mengisytiharkan harta di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, pada 13 Disember 2023.





HARIAN METRO

23.03.2023

SABTU

PEMILIK MESIN PERMAINAN KANAK-KANAK, PEKERJA DITAHAN

Cuba rasuah penguat kuasa MBIP RM4,000

Johor Bahru: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pemilik perniagaan mesin permainan kanak-kanak dan pekerjanya selepas disyaki memberi rasuah kepada penguat kuasa Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP).

Menurut sumber, kedua lelaki berusia 45 dan 21 tahun itu ditahan pada jam 1 pagi semalam di Pejabat

SPRM Johor di sini.

Difahamkan, lelaki itu memberikan wang rasuah sebanyak RM4,000 kepada penguat kuasa MBIP sebagai dorongan tidak mengambil tindakan ke atas premis perniagaannya yang didapati menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen MBIP yang sah.

"Premis perniagaan itu sudah diberikan Notis Memberhentikan Ak-

tiviti Perniagaan kerana melakukan kesalahan melanggar syarat sah lesen mengikut Undang-Undang Kecil Perlesenan, Tred Perniagaan & Perindustrian (MBIP) 2018," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias mengesahkan penahanan berkenaan dan berkata kes terbabit disiasat mengikut Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009.



SPRM tahan pegawai polis disyaki terima suapan

DSP didakwa lindungi kegiatan haram, wang tunai lebih RM2j dijumpai

Oleh Safeek Affendy Razali dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seorang pegawai kanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima suapan bagi melindungi kegiatan haram di ibu negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki yang mengesahkan

perkembangan itu berkata permohonan reman selama tiga hari bermula semalam sudah diperoleh pihaknya bagi siasatan lanjut.

Pegawai yang berpangkat Deputy Superintendan (DSP) itu ditahan selepas hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, kelmarin.

Tunggu dapatan siasatan

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid, turut mengesahkan penahanan itu.

Katanya, pihaknya masih menunggu dapatan siasatan SPRM sebelum mengambil sebarang tindakan susulan.

"Pada masa ini sebarang tindakan lanjut daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan diambil bergantung kepada hasil siasatan SPRM.

"Kita serahkan kepada SPRM jalankan siasatan mereka terlebih dahulu dan selepas itu ba-

Permohonan reman selama tiga hari bermula semalam sudah diperoleh SPRM bagi siasatan lanjut

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM



ruah kita akan melihat tindakan daripada pihak kita," katanya semalam.

Allaudeen turut menegaskan pihaknya sama sekali tidak akan berkompromi terhadap salah laku membabitkan mana-mana pegawai dalam soal pelanggaran integriti.

Berdasarkan maklumat sumber, pegawai itu ditahan selepas

disyaki terbabit dalam melindungi kegiatan dan aktiviti haram di sekitar ibu negara.

Katanya, penahanan itu turut membawa kepada penemuan wang tunai lebih RM2 juta, selain dia turut memiliki sejumlah harta tidak munasabah.

Pegawai berkenaan sebelum ini dikatakan sudah pun dalam pemerhatian SPRM.



SINAR HARIAN

25.03.2023

ISNIN

SPRM tahan pegawai kanan polis, temui RM1j

Disyaki terlibat lindungi aktiviti haram di ibu negara

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai kanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada Sabtu, kerana disyaki terlibat melindungi aktiviti haram di sekitar ibu negara.

Menurut sumber, penahanan pegawai kanan polis yang bertugas di sebuah jabatan itu dilakukan di Putrajaya.

"Hasil penahanan itu turut menemukan sejumlah wang bernilai lebih RM1 juta hasil serbuan di beberapa premis disyaki miliknya," kata beliau.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan pegawai kanan terbabit.



AZAM BAKI

"Permohonan reman akan diperoleh SPRM bagi proses siasatan lanjut," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid turut mengesahkan penahanan seorang pegawai kanan yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur pada Sabtu.

"Kita serah kepada SPRM jalankan siasatan mereka terlebih dahulu, selepas itu, baharu kita akan lihat tindakan

dari pihak kita," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Allaudeen berkata, pihaknya sama sekali tidak akan berkompromi terhadap salah laku melibatkan mana-mana pegawai dalam soal pelanggaran integriti.



HARIAN METRO

26.03.2023

SELASA

Pegawai kanan polis disyaki lindungi aktiviti haram direman

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang pegawai kanan dan seorang anggota polis dipercayai terbabit rasuah bagi melindungi aktiviti haram sekitar Kuala Lumpur.

Perintah reman bermula tiga hari lalu iaitu hingga hari ini dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftaran, Nurul Farhana Mohd Najib ke atas suspek utama.

Manakala suspek kedua pula direman selama satu hari selepas permohonan dibuat SPRM di Mahka-

mah Majistret Putrajaya, kelmarin.

Menurut sumber, suspek utama iaitu lelaki berusia 40-an disyaki menerima suapan antara tahun 2021 hingga 2024 daripada sindiket dalam bentuk tunai sebagai balasan melindungi aktiviti haram mem-babitkan perjudian, mak-siat dan kumpulan gangs-terisme di sekitar Kuala Lumpur.

"Hasil penahanan ke atas suspek, SPRM turut me-nemui sejumlah wang ber-nilai lebih RM1.2 juta hasil serbuan di beberapa pre-mis milik suspek.

"Suspek utama ditahan di sebuah lokasi di Putra-jaya kelmarin manakala suspek kedua adalah ang-gota bawahannya ditahan pada hari yang sama di sekitar Kuala Lumpur," ka-tanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan memak-lumkan kes disiasat me-ngikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Katanya, siasatan lanjut sedang giat dijalankan bagi mengenalpasti dalang lain yang terbabit.



Dipercayai terbabit rasuah bagi melindungi aktiviti haram sekitar ibu negara

SPRM tahan reman pegawai, anggota polis

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman seorang pegawai kanan dan seorang anggota polis dipercayai terbabit rasuah bagi melindungi aktiviti haram sekitar Kuala Lumpur.

Perintah reman selama tiga hari iaitu sehingga Selasa dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar, Nurul Farhana Mohd Najib ke atas suspek utama, manakala suspek kedua direman selama satu hari selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya

pada Ahad.

Menurut sumber, suspek utama iaitu lelaki berusia 40-an disyaki menerima suapan antara tahun 2021 hingga 2024 daripada sindiket dalam bentuk tunai sebagai balasan melindungi aktiviti haram melibatkan perjudian, maksiat dan kumpulan gangsterisme di sekitar Kuala Lumpur.

"Hasil penahanan, SPRM turut menemui sejumlah wang bernilai lebih RM1.2 juta hasil serbuan di beberapa premis milik suspek.

"Suspek utama ditahan di Putrajaya Sabtu lalu, manakala suspek kedua yang merupakan anggota bawahannya ditahan pada hari yang sama di Kuala

Lumpur," katanya.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"Siasatan lanjut sedang giat dijalankan bagi mengenal pasti dalang lain yang terlibat," katanya.

Pada Ahad, media melaporkan seorang pegawai kanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur ditahan SPRM selepas dipercayai terbabit melindungi aktiviti haram di sekitar ibu negara.

Penahanan pegawai kanan yang bertugas di sebuah jabatan itu dilakukan di Putrajaya.



Pegawai dan anggota polis ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah.



SINAR HARIAN

27.03.2023

RABU

Empat direman disyaki buat tuntutan palsu lebih RM1 juta

ALOR SETAR - Empat individu termasuk seorang pemilik syarikat dan timbalan pengarah logistik agensi penguat kuasa direman kerana disyaki bersubahat mengemukakan tuntutan palsu membabitkan kerja penyelenggaraan kapal bernilai lebih RM1.1 juta.

Kesemua suspek berusia sekitar 30-an dan 40-an itu direman selama enam hari sehingga Ahad depan di Mahkamah Majistret Alor Setar pada Selasa.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Siti Noor Hidayah Mohd Noor ke atas se-

mua suspek selepas permohonan dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, suspek utama yang merupakan seorang pemilik syarikat dipercayai telah mengemukakan tuntutan mengandungi butiran matan palsu membabitkan kerja penyelenggaraan kapal agensi penguat kuasa antara Julai hingga November 2020.

"Tiga lagi suspek, masing-masing berjawatan timbalan pengarah logistik, peniaga dan ketua pusat servis disyaki turut

bersubahat dengan pemilik syarikat terbabit.

"Kesemua suspek telah ditahan di Pejabat SPRM Kedah pada Isnin antara jam 4 petang hingga 11.30 malam ketika hadir bagi dirakamkan keterangan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Ahmad Nizam Ismail ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek.

Katanya, kes tersebut disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



BERITA HARIAN

28.03.2023

KHAMIS

Kes pengubahan wang haram dan rasuah

Bekas pengurusan tertinggi JPM, MOF antara 47 saksi

Kuala Lumpur: Bekas pengurusan tertinggi di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan (MOF) disenarai antara 47 saksi pendakwaan yang akan dipanggil untuk memberi keterangan dalam perbicaraan kes pengubahan wang haram dan rasuah dihadapi Adam Radlan Adam Muhammad.

Perkara itu dimaklumkan Timbalan Pendakwa Raya Farah Yamin Salleh, dengan salinan senarai saksi berkenaan sudah pun diserahkan kepada pihak pembelaan Timbalan Ketua Bahagian BERSA-TU Segambut itu.

Adam Radlan turut diminta tidak mengganggu saksi terbabit sepanjang kes berjalan.

"Pada sebutan kes hari ini (semalam) juga ada dua perkara... yang pertama status dokumen (pertuduhan) predikat (rasuah) dan Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) yang mana sudah diserahkan kepada pihak pembelaan.

"Seterusnya berhubung status penyerahan pernyataan bertulis saksi di bawah Seksyen 402B Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) sama ada menyerahkannya 14 hari sebelum saksi memberi keterangan," katanya ketika prosiding di hadapan Hakim, Suzana Hussin.

Peguam bela Adam Radlan, Alastair Brandah Norman, mengesahkan menerima dokumen berkenaan, namun memohon tempoh sebulan untuk pernyataan itu diserahkan sebelum saksi memberi keterangan.

"Ia atas sebab pertuduhan atas kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan AMLA.

"Yang kedua mengambil kira peguam utama yang perlu meneliti pernyataan saksi, saya percaya

pendakwaan akan memanggil 47 saksi dalam kes ini," katanya.

Seorang lagi Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Fadhly Mohd Zamry, memohon pengesahan sama ada pernyataan semua saksi perlu diserahkan sebelum bermula perbicaraan.

Hakim kemudian membenarkan pernyataan diserahkan kepada pembelaan dalam tempoh 14 hari sebelum setiap saksi hadir memberi keterangan.

"Tarikh bicara pada 27 hingga 29 Mei ini dikekalkan, manakala sebutan kes seterusnya pada 9 Mei ini untuk status penyerahan pernyataan saksi," katanya.

Sebelum ini, Suzana menetapkan kes perbicaraan kes Adam Radlan selama 15 hari iaitu 27 hingga 29 Mei, 10 hingga 12 Jun, 9 hingga 11 Julai, 22 hingga 24 Julai dan 5 hingga 7 Ogos 2024.

Pada 9 November lalu, ahli perniagaan itu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas enam tuduhan pengubahan wang haram berjumlah RM3.6 juta.

Adam Radlan sebagai Pengarah Bumiraya Sdn Bhd memindahkan wang hasil aktiviti haram berjumlah RM3.675 juta dari akaun CIMB Bank Berhad milik syarikat itu ke akaun bank sama milik tertuduh serta tiga individu lain termasuk Nabilah Mahiaddin antara 1 Disember hingga 27 Disember 2022.

Di Mahkamah Shah Alam pada 22 Februari tahun lalu pula, Adam Radlan didakwa atas dua tuduhan menerima suapan berjumlah RM4.1 juta sebagai upah bagi tertuduh membantu syarikat Nepturis Sdn Bhd serta MIE Infrastructure & Energy Sdn Bhd mendapatkan dua projek.



BERITA HARIAN

28.03.2023

KHAMIS

Kes pegawai polis ditahan bersama RM1 juta Bukit Aman sokong siasatan SPRM

Kuala Lumpur: Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman memberi sokongan penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakukan siasatan terhadap seorang pegawai kanan polis yang ditahan bersama wang tunai lebih RM1 juta kerana disyaki melindungi aktiviti haram di ibu negara, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain, berkata pihaknya tidak berkompromi terhadap mana-mana anggota dan pegawai polis yang terbabit dalam rasuah.

“Secara peribadi, saya konsisten

dengan pendekatan dan tindakan saya, di mana saya menyokong penuh tindakan SPRM terhadap sebarang salah laku rasuah.

“Saya serahkan kepada SPRM untuk menyiasat sepenuhnya perkara itu,” katanya pada sidang media di Bukit Aman, semalam.

Beliau mengulas kes seorang pegawai kanan polis ditahan SPRM kerana dipercayai menerima suapan bagi melindungi aktiviti jenayah.

Menurutnya, sebelum ini beliau pernah memberi amaran kepada anak buahnya yang terbabit dalam aktiviti tidak sepatutnya supaya segera berubah.

“Pesanan saya sebelum ini *change or you will be changed*. Berdasarkan perkembangan terkini, adalah wajar saya mengubah pesanan itu kepada *change or you will be chained*.”

“Anda perlu menerima hukuman atas perbuatan yang anda lakukan,” katanya.

Terdahulu, media melaporkan seorang pegawai di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur ditahan bersama wang lebih RM1 juta selepas dipercayai terbabit melindungi aktiviti haram.

Penahanan pegawai kanan yang bertugas di sebuah jabatan itu dilakukan di Putrajaya, Sabtu lalu.



HARIAN METRO

29.03.2023

JUMAAT

SPRM tahan tiga polis minta rasuah dari pemandu lori

Johor Bahru: Tiga anggota polis ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mersing selepas dipercayai meminta dan menerima rasuah daripada pemandu lori, November lalu.

Sumber SPRM berkata, ketiga-tiga suspek lelaki berusia antara 36 hingga 42 tahun ditahan di Pejabat SPRM Negeri Johor kira-kira jam 7 malam kelmarin.

Difahamkan, kesemua suspek telah meminta dan menerima wang rasuah berjumlah RM7,800 daripada pemandu-pemandu lori sawit dan baja di sekitar Mersing pada November lalu.

Ia sebagai dorongan untuk tidak dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Sementara itu, Penga-

RM7.8K

Jumlah wang diminta daripada pemandu lori sawit

rah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

Dalam pada itu, ketiga-tiga suspek direman empat hari sehingga Ahad ini.

Perintah reman berkenaan dikeluarkan Majistret Nurzihan Abdul Rehman selepas permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam.

Mereka disiasat menurusu Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 diwakili peguam, Jihad Syahida Nadia Zakaria dan Nurhazneena Zureen Jaesleen Hanafiah.



SINAR HARIAN

29.03.2023

JUMAAT

Tiga anggota polis disyaki terima rasuah direman empat hari

JOHOR BAHRU - Tiga anggota polis direman selama empat hari bermula Khamis bagi membantu siasatan berhubung dakwaan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM7,800.

Perintah reman terhadap kesemua suspek berusia antara 36 hingga 42 tahun itu dikeluarkan Majistret Nurzihan Abdul Rehman bagi membolehkan siasatan mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sebelum itu, tiga anggota polis ditahan SPRM Mersing selepas disyaki meminta dan menerima rasuah.

Sumber SPRM berkata, ketiga-tiga suspek lelaki berkenaan ditahan di Pejabat SPRM Negeri Johor kira-kira jam 7 malam pada Rabu.

Difahamkan, semua suspek meminta dan menerima wang rasuah daripada pemandu lori kelapa sawit dan baja di sekitar Mersing pada November lalu.

Ia sebagai dorongan untuk tidak dikenakan tindakan undang-undang mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.



HARIAN METRO

30.03.2023

SABTU

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan ada pegawai atasan lain yang terbabit melindungi sindiket susulan penahanan pegawai kanan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, SPRM tidak menolak kemungkinan ada pembabit pegawai lebih atasan dipercayai terbabit dengan sindiket itu, bagaimanapun ia masih dalam siasatan kerana pegawai kanan ditahan itu dipercayai tidak melakukannya bersendirian.

Menurutnya, pegawai terbabit disambung reman tiga hari lagi dan siasatan

SUSULAN PEGAWAI KANAN IPK KL DITAHAN

'Mungkin ada pegawai lebih atasan terbabit'

lanjut sedang dijalankan untuk mengesan wang diterimanya sebelum ini.

"Kita akan siasat berapa lagi wang yang diterimanya daripada sindiket terbabit dan akan mengesan siapa lagi yang turut terlibat."

"Kita juga sedang mengesan aset dan maklumat lain aset yang diperolehi atau sudah dibelanjakan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat SPRM, di sini, semalam.

Harian Metro sebelum

ini melaporkan pegawai kanan polis di IPK Kuala Lumpur ditahan SPRM kerana melindungi aktiviti haram membabitkan perjudian, maksiat dan kumpulan gangsterisme di sekitar Kuala Lumpur.

Menurut sumber, suspek utama iaitu lelaki berusia 40-an disyaki menerima suapan antara tahun 2021 hingga 2024 daripada sindiket

dalam bentuk tunai sebagai balasan melindungi aktiviti haram membabitkan perjudian, mak-

"
Kita akan siasat berapa lagi wang yang diterimanya daripada sindiket
Azam

siat dan kumpulan gangsterisme di sekitar Kuala Lumpur.





Ops Samba 2.0

Negara rugi RM2b penyeludupan babit penguat kuasa

WELCOME TO KLIA CARGO VILLAGE



SPRM dedah jumlah ketirisan babit anggota kastam sejak tiga tahun lalu

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam mendedahkan jumlah ketirisan akibat penyeludupan babitkan anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, mencecah RM2 bilion sejak tiga tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini, 34 anggota penguat kuasa kastam dan 27 individu serta pemilik syarikat ditahan menerusi Ops Samba 2.0 kerana melindungi dan memudahkan aktiviti penyeludupan sindiket itu.

Beliau berkata, semua anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan itu dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kenderaan.

Katanya, 232 akaun bank milik syarikat dan individu ditahan termasuk akaun keldai berjumlah lebih RM17 juta juga dibekukan bagi membantu siasatan.

"(Ops Samba 2.0) penting kerana kita bongkar kegiatan rasuah melibatkan agensi penguat kuasa yang membabitkan kebulosan dan ketirisan.

"Kegiatan itu dipercayai berlaku begitu lama, ia dikesan sejak 2017 hingga baru-baru ini. Kerugian (kerajaan) untuk tempoh tiga tahun kerana sindiket

ini adalah RM1.5 bilion hingga RM2 bilion iaitu ketirisan dalam bentuk kutipan cukai," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Operasi bersama LHDN

Ops Samba 2.0 adalah operasi diketuai SPRM bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memerangi kegiatan rasuah pegawai agensi penguatkuasaan yang melindungi aktiviti penyeludupan sejak 2017 hingga kini.

Azam berkata, SPRM juga merampas telefon bimbit, komputer riba serta lapan kenderaan mewah milik sindiket terbabit bagi membantu siasatan, selain menahan 232 akaun bank milik syarikat dan individu, termasuk akaun keldai berjumlah lebih RM17 juta dibekukan.

"Transaksi (rasuah) dikesan membabitkan 34 penjawat awam ini adalah penyaluran iaitu masuk akaun peribadi menggunakan keldai akaun," katanya menambah, proses analisis akaun akan dibuat

LHDN, BNM dan SPRM.

Ditanya modus operandi sindiket ini, beliau berkata, sindiket itu menggunakan perkhidmatan 'forwarding agent' (ejen penghantaran) sebagai orang tengah bagi pembayaran rasuah kepada penguat kuasa yang bertugas dalam pemeriksaan dan pencegahan.

"Ini bagi melicinkan proses penyeludupan barangan tanpa melalui pengisytiharan serta pemeriksaan sepatutnya," katanya.

Azam berkata, sindiket itu juga dikesan terbabit aktiviti pengubahan wang haram dengan mencuci duit menggunakan akaun perniagaan 'syarikat hantu', pengurus wang, kegiatan judi dalam talian, kegiatan pelancaran dan juga melalui syarikat pinjaman wang berlesen.

"Sebanyak 19 'syarikat hantu' dikesan diwujudkan membabitkan pelbagai jenis perniagaan untuk kelirukan pihak berkuasa terutama LHDN," katanya.

Beliau berkata, SPRM ketika ini memfokuskan usaha memberantas kegiatan rasuah membabitkan anggota penguat kuasa kerana ia memberikan kerugian buat negara.

"Walaupun sudah beberapa tahun lepas kegiatan rasuah berlaku, jangan ingat mereka terlepas, ini amaran kepada pihak penguat kuasa," katanya.

BERNAMA



Azam pada sidang media di Putrajaya, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)



Pegawai kanan polis mungkin tak bergerak solo



SPRM mengesyaki wujud pembabitan pegawai polis yang lebih senior.
(Foto hiasan)

Putrajaya: Pegawai kanan polis yang ditahan kerana menerima suapan bagi melindungi kegiatan haram di ibu negara baru-baru ini berkemungkinan besar tidak menjalankan aktiviti itu secara solo.

Bercakap pada sidang, di sini semalam, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata pihaknya tidak menafikan pegawai kanan polis itu tidak bergerak sendiri dalam menerima suapan dan melindungi kegiatan jenayah terbabit.

Malah, SPRM mengesyaki wujud pembabitan pegawai polis yang lebih senior dalam kegiatan

SPRM tahan pegawai polis disyaki terima suapan



Keratan akhbar BH, Isnin lalu.

tan melindungi jenayah itu.

"Boleh jadi, kami sedang menyiasat hal itu," katanya ketika ditanya adakah kes turut membabitkan pegawai kanan senior.

Azam berkata, fokus siasatan ketika ini adalah mengenai jumlah wang yang diterima dan siapa yang memberikan

suapan itu.

Baru-baru ini, SPRM menahan seorang pegawai kanan polis dipercayai terbabit rasuah bagi melindungi aktiviti haram di sekitar Kuala Lumpur.

Pegawai berusia 40-an itu disyaki menerima suapan antara 2021 hingga 2024 daripada sindiket dalam bentuk tunai sebagai balasan melindungi aktiviti haram membabitkan perjudian, maksiat dan kumpulan gangsterisme di sekitar ibu kota.

Hasil penahanan suspek, SPRM turut menemukan sejumlah wang bernilai lebih RM2 juta hasil serbuan di beberapa premis milik suspek.

BERNAMA